



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 70
No. 20

6hb Oktober 2017

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara 34 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

The following Enactments, passed by the Pahang State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Pahang, are published pursuant to Clause (4) of Article 34 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A55	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pindaan) 2017
Enactment A55	Syariah Criminal Procedure (Amendment) Enactment 2017
Enakmen A56	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016
Enactment A56	Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016
Enakmen A57	Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Pindaan) 2017
Enactment A57	Control and Restriction of the Propagation of Non-Islamic Religions (Amendment) Enactment 2017

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A58	Enakmen Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Pindaan) 2017
Enactment A58	Fraser's Hill Development Corporation (Amendment) Enactment 2017



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A55

**ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH
(PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja ... 11 September 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 6 Oktober 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A55

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH
AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
Pemangku Raja Pahang

11 September 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.

[]

DIPERBUAT undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pindaan) 2017.

(2) Enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2016.

Bahagian VA baru

2. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 [*Enakmen No. 8 tahun 2002*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66 Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VA

PEGUAM SYARIE

Wakalah Peguam Syarie

66A. (1) Pelantikan seorang Peguam Syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya, dan diterima oleh Peguam Syarie yang dilantik sedemikian, di hadapan Mahkamah atau Pendaftar atau Pegawai Penjara (hanya kes yang melibatkan banduan sahaja).

(2) Jika seorang Peguam Syarie telah menerima pelantikannya di bawah subseksyen (1), dia hendaklah, sebelum mengambil apa-apa langkah dalam prosiding itu, memfailkan suatu *wakalah* Peguam Syarie dalam Borang 5A.

Penyampaian kepada Peguam Syarie

66B. Jika seorang Peguam Syarie mewakili lebih daripada satu pihak dalam apa-apa prosiding, penyampaian satu salinan apa-apa dokumen kepada Peguam Syarie itu hendaklah menjadi penyampaian yang mencukupi kepada semua pihak itu.

Menukar Peguam Syarie

66C. (1) Jika suatu pihak berhasrat menukar Peguam Syarienya, dia hendaklah memfailkan suatu notis penukaran dalam Borang 5B dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada semua pihak.

(2) Seksyen 66A hendaklah terpakai berhubungan dengan penukaran Peguam Syarie sebagaimana seksyen itu terpakai berhubungan dengan pelantikan Peguam Syarie.

Pelepasan Peguam Syarie

66D. Jika suatu pihak ingin melepaskan Peguam Syarienya, dia hendaklah memfailkan suatu notis pelepasan itu dalam Borang 5C dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak.

Penarikan diri Peguam Syarie

66E. Jika Peguam Syarie yang mewakili suatu pihak memohon untuk menarik diri, dia hendaklah memfailkan suatu notis penarikan diri dalam Borang 5D dan menyampaikan suatu salinan notis kepada pihak yang diwakilinya.

Kematian

66F. *Wakalah seseorang Peguam Syarie hendaklah tamat dengan kematian Peguam Syarie itu atau pihak yang diwakilinya.”.*

Penggantian seksyen 73

3. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 73 dengan seksyen yang berikut:

“Keizinan untuk mendakwa daripada Ketua Pendakwa Syarie

73. Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 4, 5, 7, 12, 13, 15, 17 dan 20 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 [Enakmen No. 11 tahun 2013] boleh dimulakan kecuali dengan keizinan Ketua Pendakwa Syarie.”.

Pindaan Jadual Kedua

4. Jadual kepada Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Borang 5 borang yang berikut:

“BORANG 5A

ENAKMEN TATACARA JENAYAH MAHKAMAH
SYARIAH 2002

(subseksyen 66A(2))

WAKALAH PEGUAM SYARIE

(Tajuk Am)

Saya.....
 No. KP....., yang beralamat di tertuduh
 (atau Perayu atau Responden) yang dinamakan di atas dengan ini melantik
 daripada Tetuan untuk mewakili saya dan
 bertindak bagi pihak saya dalam kes ini dan untuk hadir dalam prosiding yang
 berhubungan dengannya:

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Tertuduh (atau Perayu atau Responden)

Saya
 dengan ini menerima pelantikan yang disebut terdahulu.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Peguam Syarie

Di hadapan saya,

.....
Hakim/Pendaftar/Pegawai Penjara

*Wakalah ini difaikkan oleh Tetuan
bagi pihak tertuduh/Perayu/Responden yang beralamat
di.....*

BORANG 5B

ENAKMEN TATACARA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH 2002

(subseksyen 66c(1))

NOTIS PENUKARAN PEGUAM SYARIE

(Tajuk Am)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya.....
..... tertuduh (atau Perayu atau Responden) yang
dinamakan di atas yang beralamat di

.....
telah melantik.....
(nama Peguam Syarie yang baru)

untuk bertindak bagi pihak diri saya dalam prosiding ini menggantikan
.....
(nama Peguam Syarie yang dahulu)

Alamat bagi penyampaian (nama Peguam Syarie yang baru) yang dinamakan
di atas ialah.....

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Tertuduh (atau Perayu atau Responden)

Kepada Ketua Pendakwa Syarie atau Peguam Syarienya dan kepada Peguam
Syarie tertuduh (atau Perayu atau Responden) yang dahulu.

*Undang-Undang Negeri Pahang ENAKMEN A55***BORANG 5C**

ENAKMEN TATACARA JENAYAH MAHKAMAH
SYARIAH 2002

(seksyen 66D)

NOTIS PELEPASAN PEGUAM SYARIE

(*Tajuk Am*)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya.....
tertuduh (atau Perayu atau Responden) yang dinamakan di atas telah
melepaskan Peguam Syarie saya (nama Peguam Syarie).....
.....yang telah dilantik untuk bertindak sebagai
Peguam Syarie tertuduh (atau Perayu atau Responden) dalam prosiding ini.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Tertuduh (atau Perayu atau Responden)

Kepada Ketua Pendakwa Syarie atau Peguam Syarienya.

BORANG 5D

ENAKMEN TATACARA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH 2002

(seksyen 66E)

NOTIS PENARIKAN DIRI PEGUAM SYARIE

(*Tajuk Am*)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya.....
.....Peguam Syarie bagi tertuduh (atau
Perayu atau Responden) dengan ini menarik diri dan terhenti menjadi Peguam
Syarie yang bertindak bagi pihak tertuduh (atau Perayu atau Responden) yang
tersebut dalam prosiding yang disebut di atas.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Peguam Syarie

Notis ini dikeluarkan oleh.....
.....(nama Peguam Syarie)
yang beralamat di.....
..... Peguam Syarie
bagi.....
Kepada Ketua Pendakwa Syarie atau Peguam Syarienya.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada
25 November 2016.
[PUN.Phg.D/100/26/9]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Setiausaha Dewan Negeri,
Pahang*



LAW OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A55

**SYARIAH CRIMINAL PROCEDURE
(AMENDMENT) ENACTMENT 2017**

Date of Royal Assent	11 September 2017
Date of publication in the <i>Gazette</i>	6 October 2017

LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A55

SYARIAH CRIMINAL PROCEDURE (AMENDMENT) ENACTMENT 2017

I ASSENT,

(STATE SEAL)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH
AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
The Regent of Pahang

11 September 2017

An Enactment to amend the Syariah Criminal Procedure Enactment 2002.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Pahang as follows:

Short title and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the Syariah Criminal Procedure (Amendment) Enactment 2017.

(2) This Enactment shall be deemed to have come into operation on 1 October 2016.

New Part VA

2. The Syariah Criminal Procedure Enactment 2002 [Enactment No. 8 of 2002], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by inserting after section 66 the following Part:

“PART VA***PEGUAM SYARIE******Wakalah Peguam Syarie***

66A. (1) The *wakalah* of a *Peguam Syarie* shall be pronounced by the person who appoints, and accepted by the *Peguam Syarie* so appointed, before the Court or the Registrar or Prison Officer (only for cases involving prisoners).

(2) Where a *Peguam Syarie* has accepted his appointment under subsection (1), he shall, before taking any step in the proceedings, file a memorandum of *wakalah* of *Peguam Syarie* in Form 5A.

Service on Peguam Syarie

66B. Where a *Peguam Syarie* represents more than one party in any proceedings, service of a single copy of any document on the *Peguam Syarie* shall be sufficient service on all such parties.

Change of Peguam Syarie

66C. (1) Where a party desires to change his *Peguam Syarie*, he shall file a notice of change in Form 5B and serve a copy of the notice on all parties.

(2) Section 66A shall apply in relation to a change of *Peguam Syarie* as it applies in relation to the appointment of the *Peguam Syarie*.

Discharge of *Peguam Syarie*

66D. Where a party desires to discharge his *Peguam Syarie*, he shall file a notice of discharge in Form 5C and serve a copy of the notice on all parties.

Withdrawal of *Peguam Syarie*

66E. Where a *Peguam Syarie* representing a party applies to be withdrawn, he shall file a notice of withdrawal in Form 5D and serve a copy of the notice on the party he represents.

Death

66F. The *wakalah* of a *Peguam Syarie* shall end on the death of the *Peguam Syarie* or the party he represents.”.

Substitution of section 73

3. The principal Enactment is amended by substituting for section 73 the following section:

“Sanction to prosecute from Chief Syariah Prosecutor

73. No prosecution for any offence under sections 4, 5, 7, 12, 13, 15, 17 and 20 of the Syariah Criminal Offence Enactment 2013 [*Enactment No. 11 of 2013*] shall be instituted except with the sanction of the Chief Syariah Prosecutor.”.

Amendment of the Second Schedule

4. The Second Schedule to the principal Enactment is amended by inserting after Form 5 the following forms:

“FORM 5A

SYARIAH COURT CRIMINAL PROCEDURE ENACTMENT 2002

(subsection 66A(2))

MEMORANDUM OF WAKALAH OF PEGUAM SYARIE

(General Title)

I
NRIC. No..... of
..... the abovenamed
accused (or Appellant or Respondent) hereby appoint
..... of Messrs
..... to
represent me and to act on my behalf in this case and to appear in the
proceedings relating to it.

Dated the day of20

.....
Accused (or Appellant or Respondent)

I.....
hereby accepts the aforesaid appointment.

Dated the day of20

.....
Peguam Syarie

Before me,

.....
Judge/Registrar/Prison Officer

This *wakalah* is filed by Messrs.....
on behalf of the Accused/Appellant/Respondent of.....
.....

FORM 5B

SYARIAH COURT CRIMINAL PROCEDURE ENACTMENT 2002

(subsection 66c(1))

NOTICE OF CHANGE OF *PEGUAM SYARIE*

(*General Title*)

To the Registrar,

Take notice that I.....
the abovenamed accused (or Appellant or Respondent)
of.....
has appointed (name of new
Peguam Syarie) to act on my behalf in this proceedings in place of
.....
(name of former *Peguam Syarie*)

The address for service of the abovenamed (name of new *Peguam Syarie*)
is.....

Dated thedayof 20

.....
Accused (or Appellant or Respondent)

To the Chief Syariah Prosecutor or his *Peguam Syarie* and to the former
Peguam Syarie for the accused (or Appellant or Respondent).

FORM 5C

SYARIAH COURT CRIMINAL PROCEDURE ENACTMENT 2002

(section 66d)

NOTICE OF DISCHARGE OF *PEGUAM SYARIE*

(*General Title*)

To the Registrar,

Take notice that I.....
the abovenamed accused (or Appellant or Respondent) has discharged my
Peguam Syarie (name of *Peguam Syarie*).....

who has been appointed to act as the *Peguam Syarie* for the accused (or Appellant or Respondent) in this proceedings.

Dated the day of20

.....
Accused (or Appellant or Respondent)

To the Chief Syariah Prosecutor or his *Peguam Syarie*.

FORM 5D

SYARIAH COURT CRIMINAL PROCEDURE ENACTMENT 2002

(section 66E)

NOTICE OF WITHDRAWAL OF *PEGUAM SYARIE*

(General Title)

To the Registrar,

Take notice that I.....
Peguam Syarie for the accused (or Appellant or Respondent) hereby withdraw and cease to be *Peguam Syarie* acting for the said accused (or Appellant or Respondent) in the abovementioned proceedings.

Dated theday of20.....

.....
Peguam Syarie

This notice is issued by.....
(name of *Peguam Syarie*) of.....
Peguam Syarie for the.....

To the Chief Syariah Prosecutor or his *Peguam Syarie*.”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 25 November 2016.
[PUN.Phg.D/100/26/9]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Clerk of the Legislative Assembly,
Pahang*



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A56

**ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(PINDAAN) 2016**

Tarikh Perkenan Diraja ... 22 Februari 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 6 Oktober 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A56

ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2016

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH
Sultan Pahang

22 Februari 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013.

[]

DIPERBUAT undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2016.

Pindaan seksyen 25


2. Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 [Enakmen No. 11 tahun 2013] dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “menghasut” perkataan “, menghalang, memujuk”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “orang lain” dengan perkataan “, menghasut atau menghalang mana-mana orang Islam”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 25 November 2016.

[PUN.Phg.D/100/26/20]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Setiausaha Dewan Negeri,
Pahang*



LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A56

**SYARIAH CRIMINAL OFFENCES
(AMENDMENT) ENACTMENT 2016**

Date of Royal Assent ... 22 February 2017

Date of publication in the
Gazette ... 6 October 2017

LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A56

SYARIAH CRIMINAL OFFENCES (AMENDMENT) ENACTMENT 2016

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH
Sultan of Pahang

22 February 2017

An Enactment to amend the Syariah Criminal Offences Enactment 2013.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Pahang as follows:

Short title and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016.
(2) This Enactment comes into operation on 1 December 2016.

Amendment of section 25

2. Section 25 of the Syariah Criminal Offences Enactment 2013 [*Enactment No. 11 of 2013*] is amended—

- (a) in subsection (1), by inserting after the word “instigates” the words “, prevents, persuades”; and
- (b) in subsection (2), by substituting for the words “another person” the words “, incites or deters any Muslim”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 25 November 2016.
[PUN.Phg.D/100/26/20]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Clerk of the Legislative Assembly,
Pahang*



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A57

**ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA
BUKAN ISLAM (PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja ... 27 Februari 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 6 Oktober 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A57

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM (PINDAAN) 2017

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH
Sultan Pahang

27 Februari 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989.

[]

DIPERBUAT undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam (Pindaan) 2017.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 [*Enakmen No. 5 tahun 1989*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan takrif “pegawai diberikuasa” dengan takrif yang berikut:

“pegawai diberikuasa” ertinya—

- (a) mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 10; atau
- (b) mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor;’.

Penggantian seksyen 10

3. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 10 dengan seksyen yang berikut:

“Pelantikan 10. Melainkan dalam hal seseorang pegawai polis berpangkat p e g a w a i tidak rendah daripada Inspektor, Raja boleh, secara bertulis, diberikuasa. melantik mana-mana pegawai awam menjadi pegawai diberikuasa.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 25 November 2016.

[PUN.Phg.D/100/26/3]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Setiausaha Dewan Negeri,
Pahang*



LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A57

**CONTROL AND RESTRICTION OF THE PROPAGATION
OF NON-ISLAMIC RELIGIONS (AMENDMENT)
ENACTMENT 2017**

Date of Royal Assent ... 27 February 2017

Date of publication in the
Gazette ... 6 October 2017

LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A57

CONTROL AND RESTRICTION OF THE PROPAGATION OF NON-ISLAMIC RELIGIONS (AMENDMENT) ENACTMENT 2017

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH
Sultan of Pahang

27 February 2017

An Enactment to amend the Control and Restriction of the Propagation of Non-Islamic Religions Enactment 1989.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Pahang as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Control and Restriction of the Propagation of Non-Islamic Religions (Amendment) Enactment 2017.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Control and Restriction of the Propagation of Non-Islamic Religions Enactment 1989 [*Enactment No. 5 of 1989*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for the definition of “authorised officer” the following definition:

- ““authorised officer” means—
- (a) any public officer appointed under section 10; or
 - (b) any police officer not below the rank of an Inspector;’.

Substitution of section 10

3. The principal Enactment is amended by substituting for section 10 the following section:

“Appointment 10. Except in the case of a police officer not below the rank of an Inspector, the Ruler may, in writing, appoint any public officer to be an authorised officer under this Enactment.”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 25 November 2016.
[PUN.Phg.D/100/26/3]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Clerk of the Legislative Assembly,
Pahang*



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A58

**ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN
BUKIT FRASER (PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja ... 11 September 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 6 Oktober 2017

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen A58

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER (PINDAAN) 2017

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH
AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
Pemangku Raja Pahang

11 September 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enactment Perbadanan Kemajuan
Bukit Fraser, 1968.

[]

DIPERBUAT undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri
Pahang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan
Kemajuan Bukit Fraser (Pindaan) 2017.

(2) Enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat
kuasa pada 1 Januari 2016.

Penggantian seksyen 3

2. Enactment Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 1968 [*Enactment No. 4 tahun 1968*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

“Fungsi Perbadanan.

3. Fungsi Perbadanan adalah—

- (a) untuk menyelaraskan pembangunan kediaman, industri, perdagangan, kebudayaan dan kesenian dan aktiviti lain yang diperhitungkan bagi menggalakkan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (b) untuk membantu, mengusahakan, memaju dan menyelaras pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (c) untuk membentuk dan melaksanakan garis panduan bagi pengurusan dan pengendalian pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan dengan berkesan dan berekonomi;
- (d) untuk mengembangkan, memulihara dan memelihara sejarah, kebudayaan, tumbuh-tumbuhan dan binatang yang terdapat di Pahang;
- (e) untuk mengembangkan dan menggalakkan program pembelajaran dan pengetahuan mengenai warisan kebudayaan dan sejarah Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (f) untuk menerbit atau menaja penerbitan majalah berkala, buku kecil dan bahan maklumat lain yang berhubungan dengan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;

- (g) untuk menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri tentang perkara-perkara mengenai dasar umum yang berhubungan dengan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan; dan
- (h) untuk melakukan apa-apa jua perkara atau benda lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsi-fungsinya.”.

Seksyen baru 3A, 3B dan 3C

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Kuasa Perbadanan.

3A. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu atau yang suai manfaat bagi maksud pelaksanaan fungsinya, atau yang bersampingan atau bersesuaian dengan pelaksanaan fungsi itu.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menukar, menjual atau secara lain melupuskan apa-apa harta alih atau tidak alih kepunyaan Perbadanan;
- (b) untuk mendapatkan dengan jalan pembelian, hadiah, derma, pinjaman atau selainnya apa-apa benda yang menunjukkan sejarah, kebudayaan, tumbuh-tumbuhan atau binatang yang terdapat di Pahang;
- (c) untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti komersial bagi maksud menggalak dan membangunkan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;

- (d) untuk memberi bantuan dalam apa-apa bentuk kepada mana-mana orang dalam Negeri bagi membangunkan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (e) untuk menyelenggara suatu pangkalan data maklumat yang komprehensif tentang segala koleksi dan ekshibit dan apa-apa perkara atau benda yang khusus mempunyai kesan sejarah dan kebudayaan kepada Pahang termasuklah tumbuh-tumbuhan dan binatang;
- (f) untuk menerbitkan atau menaja penerbitan filem dokumentari dan bahan pandang-dengar lain bagi menggalakkan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (g) untuk mengadakan apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana orang atau kumpulan orang dan melakukan apa-apa jua perbuatan atau benda sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakannya;
- (h) untuk mengadakan pameran, syarahan, pertunjukan dan kelas-kelas berkaitan dengan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (i) untuk mengadakan khidmat perundingan, nasihat dan pertanyaan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (j) untuk menggalakkan publisiti tentang pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;
- (k) untuk menggalakkan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasian dengan mana-mana badan atau institusi yang ada kena mengena dengan aktiviti yang diperhitungkan sebagai menggalakkan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan;

(l) untuk mengadakan kemudahan bagi latihan orang yang dengan apa jua cara berkaitan pembangunan Pahang sebagai suatu destinasi pilihan; dan

(m) untuk melakukan apa-apa jua perkara lain sebagaimana yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang difikirkannya patut untuk menjalankan fungsi dan kuasa-kuasanya secara berkesan.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

3B. Perbadanan boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menubuhkan syarikat dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan untuk menjaga mengelolakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang ditentukan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya.

Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

3c. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi apa- apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa fungsi dan kuasanya.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang anggota Perbadanan dan bolehlah dilantik ke jawatankuasa itu mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(3) Jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri.

(4) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dan Perbadanan boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan sedemikian.

(5) Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khusus untuk kebaikannya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat berkenaan.

(6) Jawatankuasa hendaklah melaporkan syor-syorkan kepada Perbadanan.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada
21 April 2017.
[PUN.Phg.D/100/26/23]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Setiausaha Dewan Negeri,
Pahang*



LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A58

**FRASER'S HILL DEVELOPMENT CORPORATION
(AMENDMENT) ENACTMENT 2017**

Date of Royal Assent	11 September 2017
Date of publication in the <i>Gazette</i>	6 October 2017

LAWS OF THE STATE OF PAHANG

Enactment A58

FRASER'S HILL DEVELOPMENT CORPORATION (AMENDMENT) ENACTMENT 2017

I ASSENT,

(STATE SEAL)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH
AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
The Regent of Pahang

11 September 2017

An Enactment to amend the Fraser's Hill Development Corporation
Enactment, 1968.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Pahang as follows:

Short title and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the Fraser's Hill Development Corporation (Amendment) Enactment 2017.

(2) This Enactment shall be deemed to have come into operation on 1 January 2016.

Substitution of section 3

2. The Fraser's Hill Development Corporation Enactment, 1968 [*Enactment No. 4 of 1968*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for section 3 the following section:

“Functions of the Corporation.

3. The functions of the Corporation shall be—

- (a) to coordinate residential, industrial, commercial, cultural and artistic development and other activities which are calculated to promote the development of Pahang as a destination of choice;
- (b) to assist, endeavor, develop and coordinate in the development of Pahang as a destination of choice;
- (c) to form and execute guidelines for the effective and economic management and development of Pahang as a destination of choice;
- (d) to develop, conserve and preserve the history, culture, flora and fauna of Pahang;
- (e) to expand and promote educational and knowledge programs on cultural heritage and history of Pahang as a destination of choice;
- (f) to publish or sponsor periodical magazines, booklets and other information in relation to the development of Pahang as a destination of choice;
- (g) to advise the State Authority on matters relating to general policy on the development of Pahang as a destination of choice; and
- (h) to carry out whatever matters or things incidental to or arising from the performance of its functions.”.

New sections 3A, 3B and 3C

3. The principal Enactment is amended by inserting after section 3 the following sections:

“Powers of the Corporation.

3A. (1) The Corporation shall have power to do all things necessary or expedient for or in connection with the performance of the functions.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the powers of the Corporation include power—

- (a) to exchange, sell or otherwise dispose of any moveable or immovable property belonging to the Corporation;
- (b) to acquire through purchase, gift, donation, loan or otherwise, any objects which demonstrate the history, culture, flora and fauna of Pahang;
- (c) to be involved in any commercial activity for the purpose of promoting and developing Pahang as a destination of choice;
- (d) to give assistance in whatever forms to any person in the State as to develop Pahang as a destination of choice;
- (e) to maintain a comprehensive information database on all collections and exhibits and any matter especially have historical and cultural impact to Pahang including its flora and fauna;
- (f) to publish or sponsor any production of documentary films and other audio visual materials for promoting the development of Pahang as a destination of choice;
- (g) to enter any contract, agreement or arrangement with any person or group of persons and to do whatever act or thing necessary or expedient to be executed;

- (h) to hold exhibitions, speeches, demonstrations and classes in relation to the development of Pahang as a destination of choice;
- (i) to hold consultancy, advisory and inquiry on any matter relating to the development of Pahang as a destination of choice;
- (j) to promote publicity on the development of Pahang as a destination of choice in whatever form;
- (k) to promote cooperation, information exchange and coordination with anybody or institution which has any relation with activities which are calculated to promote the development of Pahang as a destination of choice;
- (l) to provide facilities for training to persons who in whatever form have relation with the development of Pahang as a destination of choice; and
- (m) to carry out whatever matter as authorized under any other written law or as it thinks fit to effectively perform its functions and powers.

Power to establish companies.

3B. The Corporation may, from time to time with the approval of the State Authority, establish companies by such names as the Corporation may think fit to carry out and have the charge, conduct and management on behalf the Corporation of any project, scheme or enterprise as the Corporation may determine in the performance of its functions or the exercise of its powers.

Power to establish committees.

3C. (1) The Corporation may establish such committees for any purpose arising from its functions and powers.

(2) Any committee so established shall comprise at least a member of the Corporation and may be elected to the committee any other person as the Corporation thinks fit.

(3) The committee so established shall regulate its own procedure.

(4) Any committee so established shall comply with such instruction given by the Corporation from time to time and the Corporation may at any time stop or change the membership of any such committee so established.

(5) The committee may invite any person, as it thinks, has knowledge specifically for its good, to attend any meeting of the committee and the person so invited shall not be entitled to vote in any such meeting.

(6) The committee shall report recommendations to the Corporation.”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 21 April 2017.
[PUN.Phg.D/100/26/23]

SYED AHMAD KHIRULANWAR
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Clerk of the Legislative Assembly,
Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA